

Newspaper	UTUSAN MALAYSIA
Date	22 JUNE 2016

## Afidavit Dr. Mahathir hanya keterangan dengar cakap – Peguam

UM - 22/6/2016

**KUALA LUMPUR 21 Jun** - Datuk Seri Najib Tun Razak menyifatkan afidavit Tun Dr. Mahathir Mohamad yang diikrarkan bagi menyokong pernyataan pembelaan bekas Menteri Pengangkutan, Tun Dr. Ling Liong Sik untuk membatalkan saman Perdana Menteri, hanya merupakan keterangan dengar cakap berdasarkan pengalamannya semasa mentadbir kerajaan.

Saman itu difailkan oleh Najib pada 27 Oktober tahun lalu ekoran kenyataan bekas Presiden MCA itu dalam akhbar *Malay Mail* bertajuk 'MCA's Liong Sik joins call for Najib's ouster for allegedly putting people's money in his own pocket'.

Artikel tersebut menuduh Najib selaku pihak plaintif, menyalahgunakan dana syarikat pelaburan kerajaan, 1Malaysia Development Bhd. (1MDB) bagi tujuan peribadi.

Peguam Datuk Mohd. Hafarizam Harun yang mewakili Najib berkata, fakta-fakta dan 'keterangan' yang disebut dalam afidavit tersebut, berdasarkan pandangan Dr. Mahathir yang mengikuti perubahan politik dari luar semata-mata tanpa mendedahkan identiti pemilik akaun You Tube (yang dimaksudkannya).

Sehubungan itu, peguam itu

berpendapat, mahkamah tidak sepatutnya menerima dan mempertimbangkan maklumat tanpa sumber yang terkandung dalam afidavit bekas Perdana Menteri tersebut.

Katanya, ketiadaan sumber untuk menyokong dari manakah maklumat tersebut diperoleh menunjukkan kegagalan mematuhi kehendak di bawah Aturan 41 Kaedah 5(2) Kaedah-Kaedah Mahkamah 2012.

Iaitu suatu afidavit yang diangkat sumpah bagi maksud digunakan dalam prosiding interlokutori (sampingan) boleh mengandungi pernyataan maklumat atau kepercayaan berserta dengan sumber dan alasannya.

Justeru itu Mohd. Hafarizam, memohon supaya Hakim Datuk Nor Bee Ariffin menggunakan kuasa budi bicaranya untuk memadamkan keseluruhan afidavit Dr. Mahathir beserta eksibit atas alasan 'fakta' yang diberikan bukan daripada pengetahuan peribadinya dan terjumlah kepada keterangan dengar cakap selain beliau bukannya pihak yang dinamakan dalam tuntutan saman itu.

Peguam Yeoh Cho Kheong yang mewakili Liong Sik pula memohon permohonan pihak plaintif ditolak dengan kos atas

alasan afidavit tersebut adalah jelas berkaitan.

Mahkamah menetapkan 18 Julai ini untuk menentukan keputusan permohonan Najib itu.

Dalam samannya, pihak plaintif menyatakan, Liong Sik telah secara palsu dan berniat jahat mengeluarkan kenyataan berbau fitnah terhadapnya semasa menghadiri satu upacara di sebuah kolej universiti di sini yang disiarkan dalam portal berita itu pada 3 Oktober tahun lalu.

Liong Sik yang dinamakan sebagai pihak defendan menurut pihak plaintif, didakwa membuat pernyataan berbau fitnah itu dengan berniat jahat supaya plaintif berada dalam kancas skandal, dipandang hina dan kebencian.

Perkataan-perkataan itu menurut pihak plaintif, membawa maksud, antara lain, beliau telah menggelap dana awam ke dalam akaun peribadi beliau, dan telah menyalah guna dana itu untuk kepentingan peribadi, meraih kekayaan dan keuntungan demi kepentingan dan keuntungan peribadi.

Pihak plaintif sehubungan itu menuntut ganti rugi am, ganti rugi khas, ganti rugi teruk dan ganti rugi teladan daripada pihak defendan.